

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR  
[SETIU]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam menyelesaikan isu kemudahan infrastruktur FELDA di Setiu seperti sistem perparitan yang telah lama dan tidak diselenggara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10.5 juta bagi membina dan menaik taraf pelbagai kemudahan infrastruktur FELDA di Setiu seperti berikut:
  - (i) menaik taraf jalan kampung sepanjang 12.8 km dan pembinaan jambatan menghubungkan perkampungan blok 12,13 & 14 ke Kg. Batu Hampar di FELDA Chalok Barat dengan kos sebanyak RM2.3 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11). Projek ini telah siap pada 30 September 2020;
  - (ii) menaik taraf sistem perparitan, pembinaan gabion dan muka jalan di FELDA Selasih dengan kos sebanyak RM600 ribu di bawah program Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Projek naik taraf sistem perparitan dan pembinaan gabion telah siap pada 30 September 2020, sementara projek naik taraf muka jalan telah siap pada 3 Januari 2021;
  - (iii) menaik taraf fasiliti seperti tandas awam dan tapak riadah di FELDA Selasih dengan kos sebanyak RM100 ribu dan naik taraf dewan komuniti dan pusat transit baja dengan kos sebanyak RM500 ribu. Kedua-dua projek berkenaan merupakan projek Projek Kecil Berimpak Tinggi atau *People's Centric Project*. Projek ini baru bermula pada awal Oktober 2021 dan dijadual siap pada Disember 2021;
  - (iv) membina Masjid Chalok Barat berkapasiti 1,000 jemaah dengan kos sebanyak RM2 juta di bawah peruntukan khas Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Daripada kos tersebut, 50% daripadanya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan selebihnya oleh Kerajaan Negeri

Terengganu. Kemajuan fizikal projek pada tahap 3% dan dijadual siap pada Oktober 2022; dan

- (v) menaik taraf jalan, sistem peparitan dan saliran dengan kos sebanyak RM5 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12. Projek ini akan dijalankan di kawasan yang mana jalan kampungnya tidak pernah diturap lebih 5 tahun dan mengalami kerosakan kritikal serta kawasan yang terkesan dengan banjir. Projek ini dalam proses pra-pelaksanaan dan kerja fizikal dijadual bermula pada suku pertama tahun 2022 dan akan mengambil masa 12 bulan untuk disiapkan.
2. Pelaksanaan projek menaik taraf jalan, sistem peparitan dan saliran dengan kos sebanyak RM5 juta di kawasan FELDA di Setiu dijangka akan dapat menangani isu sistem perparitan yang telah lama dan tidak diselenggara.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim  
Ketua Penlong Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa  
Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 013-346 6939